

Campak 8 guni daun ketum ^{MS 18} elak ditahan

BIHARIAN 9/4/15

Padang Terap: Lima lelaki ditahan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) ketika cuba menyeludup 328 kilogram (kg) daun ketum bernilai lebih RM30,000 ke negara jiran kelmarin.

Dalam kes berasingan itu, kegiatan suspek dikesan anggota 4 Rejimen Sempadan (4RS) di kawasan operasi sama berhampiran sempadan Malaysia-Thailand di sini.

Panglima 6 Briged, Brig Jen Datuk Abdul Aziz Ismail, berkata dalam tangkapan pertama pada jam 7 pagi, pasukan diketuai Sarjan Sarman Mohamad terserempak empat lelaki menunggang motosikal sambil membawa lapan guni dan dua plastik lutsinar mengandungi 296kg daun ketum dianggarkan bernilai lebih RM28,000.

"Empat lelaki itu kemudian bertindak mencampak semua guni terbabit dan meninggalkan motosikal sebelum melarikan diri ke dalam hutan berhampiran," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Abdul Aziz berkata, pada jam 3 petang, seorang lagi lelaki turut bertindak mencampak tiga guni daun ketum seberat 32kg bernilai lebih RM3,000 dan melarikan diri selepas terserempak dengan pasukan ronda diketuai Koperel Rosli Ismail.